

## UMS kembali lancarkan Program Bazar Ramadan UB 13.04.2022 P.02

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) kembali melancarkan Program Bazar Ramadan yang melibatkan seramai 28 usahawan selepas dua tahun tidak dilaksanakan berikutan pandemik COVID-19.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, usahawan yang terlibat terdiri daripada pelajar UMS, peniaga luar serta alumni UMS.

Katanya, pelaksanaan bazar Ramadan itu turut mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sabah, Kelab Keusahawanan, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS.

Menurutnya, melalui kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak, diharap bazar berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Ia seterusnya mengukuhkan lagi jalinan kerjasama pihak UMS dengan industri khususnya yang terdapat di Sabah.

“Saya percaya melalui bazar ini, ia memudahkan pengujung yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UMS untuk mendapatkan pelbagai jenis juadah berbuka puasa yang murah dan dekat dengan tempat kerja,” katanya pada



**BUBUR:** Acara menggaul bubur lambuk selepas majlis perasmian yang dilancarkan oleh Taufiq (tengah).

majlis perasmian Program Bazar Ramadan UMS 2022 di sini Isnin lepas.

Beliau berkata, Program Bazar Ramadan adalah satu platform ‘Learn and Earn’ khususnya untuk pelajar UMS dalam menimba pengalaman keusahawanan serta menjana pendapatan melalui perniagaan.

Pihaknya juga berbangga kerana ada pelajar UMS yang diambil bekerja oleh peniaga luar melalui penyertaan di bazar berkenaan.

“Ini adalah peluang kepada pelajar UMS untuk mengenali di sebalik tabir

perniagaan kecil-kecilan, dan kaedah seperti ini dapat membuka minda keusahawanan pelajar.

“Pada masa sama, menerusi program ini juga ia mendekatkan pelajar dengan keusahawanan khususnya perniagaan,” jelasnya.

Taufiq berkata, selain berpeluang untuk menimba pengalaman berniaga dan menjana pendapatan, para pelajar dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan rangkaian dengan komuniti usahawan luar dari UMS.

Sehubungan itu katanya, bazar Ramadan sebenarnya

melatih pelajar dari segi pengurusan organisasi, komunikasi yang berkesan dan pengurusan sendiri agar lebih bersedia untuk lahir sebagai seorang usahawan yang memiliki minda keusahawanan yang cemerlang dalam perniagaan kelak.

Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Sabah Ribin Wahid; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin dan Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan UMS Dr. Soon Singh Bikar Singh.